



**KENYATAAN AKHBAR  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN 2019-nCoV DI MALAYSIA DAN  
KESIAPSIAGAAN KKM MENGHADAPI PENULARANNYA  
28 JANUARI 2020**

**STATISTIK SEMASA 2019-nCoV**

Sejak 10 Januari 2020 sehingga 28 Januari 2020, jam 12 tengah hari, jumlah kumulatif kes *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan 2019 *novel coronavirus* (2019-nCoV) adalah 65 kes, di mana 34 adalah warganegara Malaysia, 30 warganegara China dan satu (1) warganegara Jordan.

Daripada jumlah 65 kes PUI ini, terdapat satu kes yang positif 2019-nCoV sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini. Sementara itu, sebanyak 61 kes PUI adalah negatif (34 warganegara Malaysia, 26 warganegara China dan satu warganegara Jordan). Manakala tiga (3) lagi kes PUI (warganegara China), masih menunggu keputusan makmal.

Tiga (3) orang kontak rapat dengan kes positif 2019-nCoV pertama di Singapura yang disahkan positif jangkitan 2019-nCoV masih dirawat di wad isolasi dan dalam keadaan stabil. Kesemua 17 kontak rapat kepada kes positif 2019-nCoV keempat telah disahkan negatif dan telah dilepaskan dari menjalani Perintah Pemantauan dan Pengasingan.

**Jadual 1: Ringkasan Kes PUI 2019-nCoV**

|                         | Positif  | Negatif   | <i>Pending</i> | Jumlah    |
|-------------------------|----------|-----------|----------------|-----------|
| Warganegara<br>Malaysia | 0        | 34        | 0              | 34        |
| Warganegara<br>China    | 1        | 26        | 3              | 30        |
| Lain-lain               | 0        | 1         | 0              | 1         |
| <b>Jumlah</b>           | <b>1</b> | <b>61</b> | <b>3</b>       | <b>65</b> |

**Jadual 2: Ringkasan Kontak Rapat Kes 2019-nCoV**

|                           | Positif  | Negatif   | <i>Pending</i> | Jumlah    |
|---------------------------|----------|-----------|----------------|-----------|
| Kluster<br>Warga<br>China | 3        | 5         | 0              | 8         |
| Kes<br>Keempat            | 0        | 17        | 0              | 17        |
| <b>Jumlah</b>             | <b>3</b> | <b>22</b> | <b>0</b>       | <b>25</b> |

**KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI 2019-nCoV MELIBATKAN AKTIVITI-  
AKTIVITI DI PINTU MASUK (PMA) NEGARA**

- Sejak 4 Januari 2020, KKM telah meningkatkan saringan ke atas semua pengembara (penumpang dan anak kapal) dari Negara China di semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) negara sebagai langkah menghadapi 2019-nCoV.

Saringan ini dilakukan di semua PMA melibatkan lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan-pelabuhan serta pintu masuk darat di negara ini. Pada ketika ini terdapat 64 PMA di seluruh negara.

- Saringan terhadap pengembara yang tiba di PMA menggunakan 3 pendekatan:
  - a) Saringan demam dengan menggunakan *thermal scanner*. Pada ketika ini terdapat 54 *thermal scanner* di beberapa PMA utama negara. Mana-mana pengembara dikesan demam akan diperiksa oleh paramedik untuk mengesahkan demam. Sejarah perjalanan ke Chuna dalam tempoh 2 minggu sebelum tiba di Malaysia akan diperolehi. Sekiranya pengembara yang memenuhi kriteria PUI akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut. Rujukan ke hospital akan menggunakan kenderaan ambulans khas dengan diiringi oleh anggota terlatih yang memakai peralatan perlindungan diri bagi mengelakkan jangkitan.

Bagi pengembara yang tidak memenuhi kriteria PUI akan diberi *Home Assessment Tool* dan diletakkan di bawah *Home Surveillance* untuk tempoh 14 hari. Mereka yang didapati batuk tetapi tiada demam akan diberikan penutup hidung dan mulut (*face mask*) untuk mengelakkan penularan penyakit ini kepada umum.

Sementara itu pengembara yang tidak mempunyai sebarang gejala, akan diberikan *Health Alert Card* (HAC). Mereka dinasihatkan untuk rawatan segera sekiranya mempunyai demam, batuk atau susah bernafas dalam masa 14 hari dari ketibaan dan membawa bersama HAC semasa berjumpa dengan pegawai perubatan untuk mendapatkan rawatan.

- b) Kerjasama dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk merujuk mana-mana pengembara dari China bagi pemeriksaan lanjut oleh anggota kesihatan di PMA.
  - c) KKM juga memasang bunting untuk memaklumkan dan menggalakan mana-mana pengembara yang tiba dari China untuk tampil ke pusat pemeriksaan kesihatan di PMA (*self declaration*). Beberapa PMA melakukan pengumuman berkala bagi menasihati pengembara untuk tampil ke pusat pemeriksaan PMA bagi pemeriksaan.
  - d) Anggota KKM akan menjalankan pemeriksaan rawak dari masa ke semasa keatas warganegara Malaysia yang menggunakan *autogate*. KKM juga berharap warganegara Malaysia secara sukarela untuk tampil untuk pemeriksaan kesihatan di PMA.
- Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang telah berkerjasama dengan pihak *Malaysia Airport Berhad* dan pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia untuk mengalihkan semua kapal terbang dari China ke pintu (*gate*) yang telah dikenalpasti bagi mengelakkan percampuran antara penumpang dari China dan penumpang dari destinasi yang lain. Saringan demam dengan menggunakan *thermal scanner* akan dilakukan di *gate* tersebut. Mereka yang disyaki PUI akan terus dirujuk ke hospital melalui laluan khas yang dikenalpasti bagi mengelakkan pendedahan kepada penumpang lain.
  - Di pelabuhan pula semua kapal dari China akan diberikan status kuarantin sehingga anggota KKM menjalankan pemeriksaan ke atas kapal. Aktiviti pemunggahan barang dan penurunan anak kapal dan

penumpang akan dibenarkan sekiranya pemeriksaan mendapati semua penumpang dan anak kapal sihat serta dokumen-dokumen kebersihan kapal masih sah.

- Syarikat penerbangan telah diminta untuk mengenalpasti penumpang yang bergejala semasa dalam penerbangan. Sekiranya terdapat penumpang bergejala, anggota kesihatan di PMA akan dimaklumkan bagi menunggu ketibaan kapal terbang di *gate* tertentu. Apabila kapal terbang tiba di *gate* yang telah dikenalpasti, pasukan kesihatan akan menaiki pesawat untuk mengendalikan kes tersebut. Pengendalian penumpang lain adalah mengikut prosedur sedia ada.

### **PERANAN PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN DALAM TURUT SAMA MEMBENDUNG PENULARAN JANGKITAN 2019-nCoV DI MALAYSIA**

- Agensi pelancongan diminta untuk memaklumkan kepada anggota terlibat dan pelanggan yang ingin ke Negara China mengenai situasi terkini kejadian wabak penyakit 2019-nCoV serta nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh KKM dari semasa ke semasa iaitu :
  - a) Mengesa orang ramai untuk **mengelakkan** dari melawati negara China sehingga dimaklumkan kelak.
  - b) Mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*.

- c) Sekiranya lawatan ke Negara China tidak dapat dilakukan, semasa di sana:
- Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan tidak bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala;
  - Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan;
  - Elakkan dari memakan sebarang produk haiwan mentah / tidak dimasak dengan sempurna.
- d) Segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh 14 hari selepas pulang ke tanah air
- Pengembara yang datang dari Negara China perlu dimaklumkan keperluan mengisytiharkan status kesihatan sebelum tiba ke Malaysia. Selain itu prosedur keperluan menjalani perintah Pemantauan dan Pengasingan serta isolasi sekiranya bergejala perlu dijelaskan kepada pelanggan.
  - Memperkasakan pihak agensi dan persatuan pelancongan untuk membuat saringan demam ke atas pengembara dan merujuk mereka ke fasiliti kesihatan terdekat untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

- Pihak agensi pelancongan dan pengurusan fasiliti penginapan dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran termasuk menjalankan disinfeksi.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

28 Januari 2020